

Seri Paduka

di majlis

bersanding
anak sulung

PA. M.
KUALA LUMPUR

21 Mac — Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong malam tadi berkenan berangkat menghadiri majlis persandingan anak sulung kepada Perdana Menteri Cik Marina Mahathir dengan Encik Ahmad Ikhlas Roussille di Seri Perdana.

M Turut berangkat 1966 Raja Muda Selangor dan Raja Puan Muda, Sultan Pahang, Darulmakmur dan Tengku Ampuan, Sultan dan Sultanah Kedah, Sultan Perak dan Raja Permaisuri, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tengku Ampuan, Yang Dipertua Negeri Melaka dan isteri serta bekas-bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn serta Toh Puan Suhaila.

Cik Marina, 28 tahun adalah seorang pengurus kaun di mana di sebuah syarikat perhubungan raya manakala uami beliau Encik Ah-

mad Ikhlas, 34, seorang eksekutif pemasaran dalam Kumpulan Kelab Mediterranean.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong kemudiannya berkenan merenjis air

mawar kedua pengantin itu.

Sultan Pahang Darulmakmur dan Tunku Ampuan, Sultan Perak dan Raja Permaisuri, Sultan dan Sultanah Kedah dan Raja Muda ser-

ta Raja Puan Muda Selangor turut merenjis air mawar kepada kedua mempelai.

Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin turut merenjis.

Kira-kira 700 orang

jemputan terdiri daripada saudara mara Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan orang-orang kenamaan hadir di majlis itu. — Bernama.